

● Cukai: Perniagaan di Singapura terjejas — Muka 3

# MB: Haji Rashid mungkin bersara

Bahan asal dari Atkib Negara Malaysia



■ DATUK RASHID A. RAHMAN



■ HAJI RAHIM BAKAR

**KUALA LUMPUR, Rabu — MENTERI Besar Perang, Haji Abdul Rashid Bakar diduga meletakkan jawatan tidak lama lagi — mungkin bulan depan. Salah seorang rakan sejawatnya berkata, Haji Rashid 'tidak mempunyai pilihan lain kecuali meletakkan jawatan'. Orang yang diduga mengambil alih tempatnya ialah Ahli Ex-Datuk Abdul Rashid Abdul Rahman.**

Kekecohan bermula dari tarikh beliau dilantik sebagai Menteri Besar oleh Tun Hussein Onn selepas pilihanraya umum 1978.

Terdapat bantahan keras dari beberapa golongan di negeri itu dan ia berterusan dari satu krisis ke krisis lain dalam kepimpinan politik negeri itu.

Dalam bulan September beliau mengumumkan, selepas berunding dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad bahawa "beliau akan berundur".

Seminggu kemudian, sebelum berlepas menunaikan tarhi haji di Mekah beliau berkata akan terus menjadi Menteri Besar sekebabnya dari tanah suci.

Beliau kembali ke tanah air pada 20 Oktober dan mula bertugas Jumaat lalu.

Sumber-Sumber berkata semasa dalam tempoh tersebut, Perdana Menteri mengemukakan dua nama lain bagi jawatan Menteri Besar tetapi tidak mendapat perkennan Diraja.

Salah seorang calon ialah Datuk Haji Abdul Rashid.

Semasa Persidangan Raja-raja di sini awal bulan ini, telah dijelaskan bahawa cara lain ialah untuk mendapatkan Dewan Undangan Negeri meluluskan undi tidak percaya terhadap Haji Abdul Rashid, sekiranya ada di kalangan mereka yang tidak mengendaki beliau.

Seterusnya, sumber-sumber itu berkata, Perdana Menteri mengemukakan nama Datuk Haji Abdul Rashid.

Terdapat tanda-tanda yang kuat bahawa Sultan akan menominanya kali ini, tambah sumber-sumber itu lagi.

Setengah pemerhati mendapati, perletakan jawatan Haji Abdul Rashid hanyalah satu jalan menyelesaikan krisis politik di negeri itu.

Terdapat juga tanda-tanda beliau mungkin tidak menghadiri Sidang Dewan Undangan Negeri Disember ini sebagai Menteri Besar.

"Dari apa yang dapat kami ketahui, beliau akan hanya menjadi Ahli Dewan Undangan Negeri biasa, ketika itu," kata sumber itu.

Haji Abdul Rashid adalah Ahli Dewan Undangan kawasan Berserah.

Beliau dijangka menemui Datuk Seri Dr. Mahathir Sabtu ini.

Beliau memberitahu pemberita di Kuantan hari ini beliau sedang menanti untuk menemui Perdana Menteri dan akan meletakkan insaaf dopannya di tangan Datuk Seri Dr. Mahathir.

"Saya akan mendengar apa yang akan dikatakannya," tambah bahnnya.

No. Siri 12613  
No. Penerbitan 440681